



AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	16/1/2017	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Banjir berlaku kerana manusia

SIRI 1

ISHAM JALIL

Ini adalah suatu kisah banjir di Kelantan. Kisah bagaimana bencana alam mungkin boleh dikurangkan kesannya oleh manusia tetapi tidak dilakukan, malah diburukkan lagi.

Pada 1990, Pas mengambil alih Kerajaan Kelantan daripada BN. Tiga tahun sebelumnya, Dr Mahathir Mohamad, perdana menteri ketika itu, telah menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pertandingan sengit dan pahit untuk jawatan Presiden Umno. Tengku Razaleigh, yang masih segar dengan luka pertarungan, berjaya membalas dendam pada PRU 1990, apabila beliau dan parti yang baru ditubuhkannya, Semangat 46, membantu Pas untuk mengalahkan BN, seterusnya mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri. Mahathir telah kehilangan Kelantan kepada Pas dan Tengku Razaleigh, dan beliau terkejut dan marah.

Berikutan itu, sepanjang tahun-tahun 1990-an di bawah pentadbiran Mahathir, peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk Kelantan telah dipotong dengan ketara. Antara 1991 dan 1995 di bawah Rancangan Malaysia Keenam, hanya kurang daripada satu peratus daripada RM116 bilion perbelanjaan pembangunan persekutuan telah diperuntukkan kepada Kelantan, iaitu peruntukan paling rendah berbanding negeri lain. Amalan ini berterusan sehingga 2003.

Justeru, terdapat hanya sedikit aktiviti pembangunan di Kelantan pada 1990-an. Lebuhraya, jalan raya dan empangan yang telah dirancang dan sepatutnya dibina dibatalkan. Akibatnya, pertumbuhan ekonomi Kelantan telah terbantut, dan peluang pekerjaan terhad. Kesannya, telah berlaku penghijrahan beramai-ramai penduduk tempatan keluar dari Kelantan dalam tempoh ini. Beratus ribu rakyat Kelantan terpaksa berhijrah keluar mencari pekerjaan. Kini, dianggarkan setiap satu daripada tiga orang, daripada 1.5 juta rakyat Kelantan tinggal dan bekerja di luar negeri tersebut. Jika Mahathir bertujuan menghukum Pas dan Tengku Razaleigh, rakyat Kelantanlah sebenarnya yang telah menjadi mangsa.



Balak yang ditebang.

Kekurangan pertumbuhan ekonomi berikutan bantuan kewangan terhad menyebabkan Kelantan dan pemimpinnya berusaha mencari jalan menyelamatkan keadaan. Dan, mereka guna cara paling mudah dan paling cepat untuk jana pendapatan dan kurangkan beban kewangan kerajaan negeri iaitu dengan pembalakan.

Sejak 90-an, aktiviti pembalakan di Kelantan telah berleluasa. Di atas kertas, hanya kawasan hutan yang kecil sahaja diluluskan untuk pembalakan di negeri ini. Namun, Jabatan Perhutanan telah menganggarkan kebelakangan ini lebih 45,000 hektar kawasan hutan di Kelantan telah dibersihkan dan dibalak, iaitu kawasan hampir sebesar dua kali ganda luas Kuala Lumpur. Kawasan hutan yang telah dibersihkan di Kelantan baru-baru ini, lebih banyak berbanding di negeri lain. Dan aktiviti ini kebanyakannya telah dilakukan secara sah mengikut undang-undang.


## Bagaimanakah mereka melakukannya?

Di bawah Akta Perhutanan Negara 1984, bagi aktiviti pembalakan, adalah wajib pokok yang akan dibalak ditanda dan dikatalog. Dan pokok ini perlu ditebang tanpa meratakan atau membersihkan hutan secara total. Bagaimanapun, keperluan undang-undang ini menjadi penghalang kepada pembalak dari segi masa, kos, tenaga dan bilangan pokok yang boleh ditebang. Adalah lebih mudah dan lebih cepat bagi pembalak meratakan atau membersihkan seluruh kawasan hutan tersebut dan mengeluarkan kayu balak. Untuk melakukan hal ini secara sah dan memintas undang-undang di bawah Akta Perhutanan tersebut, kerajaan negeri boleh menggunakan kuasanya yang diperuntukkan dalam Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan, yang memberikan kerajaan negeri keutamaan bidang kuasa ke atas hal ehwal tanah termasuk hutan. Maka itulah yang telah dilakukan kerajaan negeri.

Lesen pembalakan di bawah Akta Perhutanan Negara dikeluarkan hanya kira-kira 2,000 hektar setiap tahun oleh Kerajaan Kelantan. Namun, pada akhir 1990-an, kerajaan negeri mengklasifikasi semula sebahagian besar hutan simpan sebagai 'ladang hutan'.

Di bawah klasifikasi ini, hutan boleh sama sekali diratakan atau dibersihkan tanpa keperluan pemantauan pokok seperti penandaan balak yang diwajibkan di bawah Akta Perhutanan.

Kawasan 'ladang hutan' ini pada awalnya untuk pembangunan kawasan pertanian seperti kelapa sawit dan getah, dan ia sepatutnya dilaksanakan ke atas 'hutan miskin' yang merupakan hutan berkepadatan rendah dengan pokok bersaiz kecil dan sederhana. Tetapi 'hutan miskin' ini masih boleh mengeluarkan hasil sangat lumayan iaitu sekitar 40 tan



Kayu balak yang tersangkut di kawasan sungai.

**Sehingga kini, 199,000 hektar hutan di Kelantan telah diklasifikasikan dan diluluskan sebagai ladang hutan, iaitu kawasan kira-kira tiga kali ganda luas Singapura.**

kayu balak sehektar.

Sehingga kini, 199,000 hektar hutan di Kelantan diklasifikasikan dan diluluskan sebagai ladang hutan, iaitu kawasan kira-kira tiga kali ganda luas Singapura. Kawasan ini lebih kurang satu pertiga daripada jumlah kawasan hutan simpan kekal Kelantan. Ia adalah ladang hutan terbesar di Semenanjung Malaysia, lebih besar daripada jumlah semua gabungan ladang hutan di negeri lain di Semenanjung.

Terdapat aktiviti pembalakan dan pembersihan hutan di Pahang juga, iaitu negeri terbesar di Semenanjung Malaysia. Bagaimanapun, aktiviti pembersihan hutan di Pahang tidak setanding dan jauh ketinggalan berbanding dengan apa yang berlaku di Kelantan pada tahun-tahun kebelakangan ini. Pahang, dengan hutan simpan kekal terbesar di semenanjung, hanya mengklasifikasikan lima peratus daripada jumlah rizab hutannya atau 80,447 hektar sebagai ladang hutan, berbanding Kelantan iaitu kira-kira dua

setengah kali ganda lebih besar.

Pengklasifikasian hutan simpan yang luas sebagai ladang hutan ini telah memburukkan lagi aktiviti pembersihan hutan di Kelantan pada kadar membimbangkan. Mengikut anggaran seorang bekas Exco kerajaan negeri Pas Kelantan dalam satu temu bual yang diterbitkan baru-baru ini, beliau berkata 200,000 hektar tanah hutan telah dibersihkan di bawah perladangan hutan di Kelantan sejak 15 tahun lalu.

Kawasan ladang hutan yang ditebas sepatutnya ditanam semula. Namun, ini tidak berlaku dalam kebanyakan kes di Kelantan. Menurut Jabatan Perhutanan, setakat ini, hanya kira-kira 10,000 hektar ladang hutan telah ditebas dan dibalak ditanam semula, iaitu hanya lima peratus daripada 200,000 hektar hutan yang dianggarkan telah ditebas di Kelantan. Walaupun dengan adanya kuota tahunan bagi pembersihan ladang hutan, kadar penanaman semula hutan ditebas adalah kecil dan tidak setimpal dengan kadar hutan yang ditebas. Ini menyebabkan berpuluh ribu hektar tanah hutan kini botak atau terdedah di Kelantan.

Kerajaan negeri terus menyalahkan Jabatan Perhutanan kerana kononnya kurang tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti pembalakan dan pembersihan hutan. Tetapi sejauh manakah jabatan ini boleh bertindak menguatkuasakan undang-undang apabila aktiviti pembersihan hutan yang berleluasa ini dilakukan secara sah di bawah undang-undang negeri dan dipersetujui oleh kerajaan negeri?

**Bersambung Siri 2 esok:** Bukti dan petunjuk yang mengaitkan pembersihan hutan dan banjir yang semakin teruk

Penulis telah berpengalaman mengharungi banjir di Kelantan sejak tahun 70-an. Beliau adalah presiden Sukarelawan Malaysia yang telah membantu mangsa banjir di Kelantan dalam beberapa tahun ini termasuk usaha sukarela membina semula banyak rumah yang musnah akibat banjir. Beliau mempunyai kelulusan ijazah sarjana dasar awam dalam bidang politik, ekonomi dan undang-undang dari Universiti Harvard.